

**KSN Yang Baharu Minta Penjawat Awam Tingkatkan Prestasi Kerja
Bernama
28 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu Datuk Dr Ali Hamsa meminta penjawat awam meningkatkan prestasi perkhidmatan bagi merakyatkan perkhidmatan awam kepada masyarakat di negara ini.

Beliau berkata penjawat awam merupakan golongan yang bertanggungjawab dalam menyampaikan segala tindakan dan dasar kerajaan serta menjadikan rakyat sebagai teras kepada segala gerak kerja yang dilakukan.

"Anggap diri kita (penjawat awam) sebagai rakyat kerana sudah pasti kita akan melaksanakan apa yang diamanahkan kerajaan dengan lebih komited.

"Mari kita (penjawat awam) merakyatkan perkhidmatan agar khalayak sasaran kita (rakyat) merasai segala pelan dan dasar yang kerajaan rancangkan untuk mereka," katanya pada majlis perasmian Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) bil. 1/2012 di Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), di sini Khamis.

Seramai 299 peserta menyertai DPA kali ini, yang berlangsung selama enam bulan bermula 11 Jun lepas hingga 21 Dis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676660>